

BAB 8

PENUTUP

Bab ini akan memberikan ringkasan kajian dan rumusan kepada bab terdahulu dengan memberikan tumpuan kepada dapatan kajian. Pada akhir bab akan dikemukakan cadangan kajian selanjutnya.

8.1 RINGKASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui dan mengenal pasti struktur genre atau organisasi wacana berita politik akhbar berbahasa Melayu dan aspek kohesi yang terdapat dalam wacana tersebut. Dengan itu, kajian ini berusaha menghuraikan gerakan atau langkah yang diambil oleh wartawan untuk menulis laporan berita dan fungsi yang dimainkan oleh gerakan tersebut dalam membentuk struktur wacana berita politik. Kajian ini juga berusaha menghuraikan peranan yang dimainkan oleh alat kohesif rujukan dan kata hubung dalam mewujudkan kohesi wacana berita.

Bagi menjalankan analisis, kajian ini menggunakan 200 teks wacana berita politik yang dipetik daripada akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* keluaran tahun 2001. Kaedah penganalisisan yang digunakan untuk mengenal pasti struktur genre ialah gabungan analisis genre yang diperkenalkan oleh Swales (1981, 1990) dengan menggunakan unit wacana “gerakan” bagi menentukan struktur skematik sesuatu genre dan gabungan kriteria kewartawanan bagi menentukan unsur

yang terkandung dalam struktur berita yang dikemukakan oleh Newsom dan Wollert (1988). Kaedah penganalisan bagi menentukan unsur kohesi atau tautan yang terdapat dalam wacana berita ialah dengan menggunakan model analisis kohesi yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976). Perkaedahan ini telah diubah suai untuk disesuaikan dengan sistem bahasa Melayu kerana Halliday dan Hasan menjalankan kajiannya terhadap teks berbahasa Inggeris dengan menggunakan sistem nahu bahasa Inggeris.

8.2 DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, penilaian dan perbincangan rumusan dapatan kajian dilakukan dalam dua kategori. Kategori pertama ialah rumusan tentang struktur genre yang terdapat pada wacana berita politik dengan memberikan tumpuan kepada gerakan dalam membentuk struktur wacana berita politik. Kategori kedua ialah rumusan tentang kajian aspek kohesi yang terdiri daripada alat kohesif rujukan dan kata hubung yang terdapat dalam wacana berita politik. Apabila membincangkan rumusan hasil kajian, kesimpulan akan dibuat selaras dengan tujuan kajian.

8.2.1 RUMUSAN KATEGORI STRUKTUR GENRE

Kajian struktur genre yang dilakukan terhadap wacana berita politik dilakukan dengan melihat perkara-perkara berikut :

1. unsur-unsur yang terdapat dalam struktur berita.
2. gerakan yang digunakan oleh wartawan untuk membentuk struktur organisasi berita.
3. fungsi yang dimainkan oleh gerakan tersebut dalam membentuk struktur berita.
4. model yang berhasil daripada analisis gerakan bagi menentukan struktur genre wacana berita.

Kajian ini telah menemui lapan (8) unsur yang akan dijadikan sebagai kriteria bagi membentuk gerakan yang akan digunakan dalam membentuk struktur berita. Hasil analisis terhadap korpus, didapati penulis wacana berita politik dalam kajian ini menggunakan lapan (8) gerakan atau langkah untuk membentuk struktur organisasi teks berita politik. Setiap gerakan tersebut mempunyai fungsi yang tersendiri bagi mencapai tujuan komunikatif yang ingin disampaikan oleh penulis.

Daripada lapan (8) gerakan yang ditemui oleh pengkaji dalam membentuk struktur wacana berita politik, terdapat lima (5) gerakan yang merupakan gerakan utama dan wajib ada dalam struktur tersebut dan tiga (3) gerakan yang merupakan gerakan sampingan dan pilihan yakni boleh ada dan boleh tidak ada dalam struktur tersebut. Kelima-lima gerakan utama dan wajib tersebut ialah Gerakan 1 (Memulakan laporan berita dengan memberi tajuk berita), Gerakan 2 (Menyatakan pendulu berita (fakta utama)), Gerakan 3 (Memperkenalkan fakta sekunder dalam peralihan terikat), Gerakan 4 (Memberi huraian lanjut terhadap fakta utama) dan Gerakan 8 (Menyatakan butiran terperinci terhadap berita). Ketiga-tiga gerakan sampingan dan pilihan tersebut ialah Gerakan 5 (Memberi sokongan kepada

pendulu berita), Gerakan 6 (Memberi latar belakang kepada sesuatu berita) dan Gerakan 7 (Memperkembang fakta utama untuk menunjukkan kesan).

Kedudukan gerakan tersebut dalam wacana yang dikaji adalah tidak tetap bergantung kepada tujuan yang hendak disampaikan oleh wartawan dan penekanan yang diberikan kepada sesuatu berita. Walau bagaimanapun, Gerakan 1, 2, 3 dan 4 tidak bertukar kedudukan iaitu dimulakan dengan Gerakan 1 dan dikuti oleh Gerakan 2, 3, dan 4 dalam struktur yang dikaji. Hanya Gerakan 5, 6, 7, dan 8 sahaja yang bertukar kedudukannya.

Pada akhir kajian, pengkaji telah berjaya membentuk satu model bagi menentukan struktur organisasi genre wacana berita. Model ini telah dibentuk berdasarkan kehadiran gerakan dalam wacana berita berkenaan iaitu dari segi kekerapan kehadirannya, wajib, pilihan dan urutan gerakan tersebut. Model struktur wacana berita tersebut adalah seperti berikut:

[Gerakan 1] * [Gerakan 2] * [Gerakan 3] * [Gerakan 4] * / (Gerakan 5) /
(Gerakan 6) / /(Gerakan 7)/ / [Gerakan 8] /

Model di atas perlu dibaca seperti berikut:

Kunci : [] menunjukkan wajib
 () menunjukkan pilihan
 * menunjukkan kedudukan gerakan yang tetap
 / / menunjukkan kedudukan gerakan yang boleh bertukar tempat

Kesimpulannya, hasil kajian yang dipaparkan menunjukkan tujuan kajian ini telah tercapai dan struktur generik wacana berita boleh ditentukan berdasarkan pendekatan Swales serta gabungan pendekatan kewartawanan oleh Newsom dan Wollert. Kajian ini juga menunjukkan genre akhbar terutamanya laporan berita mempunyai satu identiti generik yang boleh dikenal pasti dalam hampir kesemua jenis akhbar.

8.2.2 RUMUSAN KATEGORI KOHESI

Kajian aspek kohesi atau tautan yang terdapat dalam wacana berita politik dilakukan dengan menganalisis dua alat kohesif iaitu rujukan dan kata hubung. Perkara yang dilihat adalah seperti berikut:

1. item-item rujukan dan kata hubung yang digunakan dalam mewujudkan tautan teks.
2. fungsi rujukan dan kata hubung sebagai alat kohesif.
3. arah yang dirujuk oleh alat kohesif rujukan.
4. analisis taburan kekerapan alat kohesif rujukan dan kata hubung.

Kajian ini telah menganalisis tiga (3) jenis **rujukan** yang ditemui dalam korpus wacana iaitu rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan. Daripada hasil kajian didapati hanya rujukan diri orang dan rujukan penunjuk digunakan bagi mewujudkan kohesi teks. Rujukan perbandingan adalah tidak kohesif dalam kajian ini. Analisis terhadap ketiga-tiga jenis rujukan tersebut dilakukan berdasarkan arah yang dirujuk oleh alat kohesif tersebut iaitu rujukan anafora dan rujukan katafora.

Daripada hasil analisis berdasarkan **rujukan anafora** didapati, rujukan diri orang yang terdiri daripada kata ganti nama diri orang pertama, kata ganti nama diri orang kedua dan kata ganti nama diri orang ketiga didapati bersifat anaforik apabila rujukan tersebut digunakan dalam petikan yang mengandungi cakap ajuk. Rujukan diri tanya yang merujuk pada orang, benda atau perkara yang bersifat anaforik tidak ditemui dalam data kajian. Rujukan penunjuk yang bersifat anaforik didapati boleh menjadi kohesif atau tidak kohesif bergantung pada entiti yang dirujuk sama ada terdapat pada klausa yang sama atau pada ayat yang berlainan. Rujukan perbandingan berdasarkan persamaan dan perbezaan serta kuantiti dan kualiti juga bersifat anaforik dalam korpus yang dianalisis tetapi tidak kohesif. Dengan itu, dapat disimpulkan wujud tautan dalam korpus pada rujukan diri orang dan rujukan penunjuk berdasarkan rujukan anafora. Walau bagaimanapun, tidak wujud tautan pada rujukan diri tanya dan rujukan perbandingan.

Daripada hasil analisis berdasarkan **rujukan katafora** didapati, rujukan diri orang, rujukan diri tanya, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan kesemuanya merujuk teks yang dikaji secara kataforik. Walau bagaimanapun, rujukan tersebut tidak kohesif kerana perkara yang dirujuk itu dan item-item rujukan (rujukan diri orang, rujukan diri tanya, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan) yang merujuk perkara tersebut terdapat dalam klausa yang sama. Dengan itu, tidak wujud tautan dalam korpus berdasarkan rujukan katafora.

Analisis taburan kekerapan terhadap alat kohesif rujukan mendapati taburan kekerapan tujukan diri paling banyak ditemui iaitu sebanyak 3473 atau 3.81 peratus. Ini diikuti oleh rujukan penunjuk sebanyak 2865 atau 3.14 peratus dan

paling sedikit ditemui ialah rujukan perbandingan iaitu sebanyak 640 atau 0.70 peratus. Jumlah keseluruhan alat kohesif rujukan yang ditemui ialah sebanyak 6978 atau 7.65 peratus.

Merujuk kepada rujukan diri, didapati kata ganti nama diri orang ketiga **beliau** paling banyak ditemui iaitu sebanyak 717 atau 0.80 peratus. Penggunaan **beliau** lebih banyak digunakan berbanding dengan kata ganti nama diri orang ketiga **dia** (sebanyak 120 atau 0.13 peratus) kerana wacana berita merupakan satu bentuk pemberitaan yang dilaporkan secara formal. **Beliau** dalam kebanyakan korpus yang dikaji merujuk kepada individu yang dihormati seperti pemimpin negara, pembesar negara, orang kenamaan dan sebagainya. **Dia** merujuk kepada individu di dalam parti dan juga digunakan untuk rujukan kepada pemimpin negara yakni apabila digunakan dalam bentuk pelaporan cakap ajuk. **Beliau** kebanyakannya digunakan dalam bentuk pelaporan cakap pindah dan digunakan sesudah diperkenalkan individu tertentu atau jawatan tertentu.

Kata ganti nama diri orang pertama **kita** merupakan yang kedua banyak ditemui dalam rujukan diri iaitu sebanyak 598 atau 0.65 peratus. **Kita** paling banyak digunakan dalam petikan cakap ajuk berbanding dengan **saya**. Dalam wacana politik, pemimpin negara sering menggunakan kata ganti nama diri orang pertama **kita** apabila bercakap kerana ia bukan hanya bermaksud diri si penutur itu sahaja tetapi parti, kerajaan dan juga pihak yang diwakilinya. **Saya** hanya digunakan apabila merujuk diri si penutur itu sahaja. Dengan penggunaan **kita**, maksud yang disampaikan lebih berkesan kerana kita mewakili pihak yang ramai.

Mereka sebagai kata ganti nama diri orang ketiga merupakan yang ketiga banyak ditemui dalam rujukan diri, iaitu sebanyak 530 atau 0.47 peratus. Ini kerana mereka bukan sahaja terdapat dalam cakap ajuk tetapi juga cakap pindah. Mereka membawa rujukan yang luas iaitu kepada manusia, persatuan atau parti yang sebenarnya mewakili manusia.

Jika dibandingkan di antara rujukan diri orang dengan rujukan diri tanya, didapati rujukan diri orang (3.32 peratus) lebih banyak ditemui daripada rujukan diri tanya (0.48 peratus).

Merujuk kepada rujukan penunjuk, didapati kata ganti nama penunjuk **itu** lebih banyak ditemui iaitu sebanyak 1835 atau 2.01 peratus berbanding dengan kata ganti nama penunjuk ini sebanyak 1030 atau 1.13 peratus. Kata ganti nama penunjuk **itu** juga merupakan rujukan yang paling banyak ditemui secara keseluruhannya. Menurut Asmah (1987 : 56), apa yang dilaporkan dalam akhbar merupakan peristiwa-peristiwa atau kejadian-kejadian yang tidak ada hubungan dengan pemberita atau pelapor dan juga yang sudah pun berlaku. Oleh kerana itu, dalam berita ganti nama **itu** lebih sesuai digunakan, kecuali apabila pemberita memetik dalam bentuk cakap ajuk ucapan seseorang yang menggunakan kata ini dalam merujuk sesuatu yang dekat dengannya.

Merujuk kepada rujukan perbandingan, didapati rujukan **lain** adalah paling banyak ditemui iaitu sebanyak 236 atau 0.26 peratus manakala rujukan **sama** hampir sama banyak peratusannya iaitu 0.25 peratus. Rujukan perbandingan ini paling sedikit ditemui kerana rujukan perbandingan kurang digunakan dalam bahasa Melayu, berbanding dengan rujukan diri dan penunjuk.

Kajian ini telah menganalisis lapan (8) jenis **kata hubung** yang ditemui dalam korpus wacana. Kelapan-lapan jenis kata hubung tersebut iaitu kata hubung tambahan, kata hubung tentang, kata hubung sebab-musabab, kata hubung tujuan, kata hubung waktu, kata hubung syarat, kata hubung relatif dan kata hubung komplemen didapati digunakan bagi mewujudkan kohesi teks.

Analisis kekerapan terhadap alat kohesif kata hubung, pada keseluruhannya mendapati kata hubung tambahan paling banyak ditemui iaitu sebanyak 2123 atau 2.32 peratus. Ini diikuti oleh kata hubung relatif sebanyak 2038 atau 2.23 peratus dan kata hubung tujuan sebanyak 955 atau 1.05 peratus. Kata hubung waktu menduduki tatatingkat keempat iaitu sebanyak 684 atau 0.75 peratus dan diikuti oleh kata hubung sebab-musabab sebanyak 392 atau 0.43 peratus, kata hubung tentang sebanyak 294 atau 0.32 peratus, kata hubung syarat sebanyak 279 atau 0.31 peratus dan yang paling sedikit ditemui ialah kata hubung komplemen iaitu sebanyak 171 atau 0.19 peratus. Jumlah keseluruhan alat kohesif kata hubung yang ditemui ialah sebanyak 6948 atau 7.60 peratus.

Merujuk kepada kata hubung relatif, didapati kata hubung relatif yang merupakan kata hubung yang paling banyak ditemui, iaitu sebanyak 2038 atau 2.23 peratus. Ini disebabkan fungsi yang dalam ayat berita adalah sebagai keterangan kepada salah satu unsur dalam ayat induk bagi mewujudkan ayat relatif yang merupakan ayat majmuk.

Merujuk kepada kata hubung tambahan, didapati kata hubung dan merupakan kata hubung yang kedua paling banyak ditemui dalam kategori kata hubung. Ini bersesuaian dengan fungsi dan sebagai penghubung dua frasa dan kluasa yang sama sifatnya. Jika dilihat jenis ayat yang terdapat dalam wacana berita kebanyakannya terdiri daripada ayat majmuk.

Kesimpulannya, daripada analisis taburan kekerapan alat kohesif rujukan dan kata hubung didapati kedua-dua alat kohesif tersebut ditemui sama banyak iaitu alat kohesif rujukan sebanyak 7.65 peratus dan alat kohesif kata hubung sebanyak 7.60 peratus. Ini menunjukkan kedua-dua alat kohesif tersebut memainkan peranan yang sama penting dalam mewujudkan kohesi wacana berita akhbar bahasa Melayu. Dengan ini, dalam kajian ini terbukti bahawa alat kohesif rujukan dan kata hubung berfungsi secara kohesif pada semua peringkat dalam teks iaitu di peringkat kluasa, ayat dan perenggan. Daripada perbincangan dalam bab-bab sebelum ini, juga didapati kedua-dua tujuan kajian ini telah tercapai.

Dalam kajian ini kohesi merujuk pada “the set of possibilities that exists in the language for making text hang together” (Halliday dan Hasan, 1976: 18-19). Apa yang menyebabkan teks bertaut antara satu sama lain ialah daripada hubungan yang wujud di antara kluasa dengan kluasa, ayat dengan ayat dan perenggan dengan perenggan. Hubungan ini dicapai melalui ikatan kohesif yang terbentuk daripada alat-alat kohesif dan unsur-unsur ‘*presupposed*’ yang terdapat dalam kluasa yang lain. Oleh itu, apabila sesuatu item itu mempunyai rujukan dalam kluasa atau ayat lain, dengan itu terdapat kohesi dalam teks berkenaan. Kesimpulannya kohesi dapat dicapai dalam wacana berita politik yang dikaji kerana

dapat dilihat wujudnya ikatan kohesif di antara alat-alat kohesif rujukan dan kata hubung dengan perkataan, klausa dan ayat dalam teks tersebut.

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kajian seperti ini adalah berguna untuk diaplikasikan kepada berbagai-bagai tujuan lain. Analisis genre yang dilakukan boleh digunakan dalam membentuk satu kurikulum bahasa berdasarkan '*genre-based*' supaya dapat memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran bahasa. Analisis kohesi yang dijalankan juga dapat diaplikasikan dalam kurikulum bahasa yang akan memberikan tumpuan kepada aspek kohesi dalam penulisan di samping koherensi bagi membantu pelajar menghasilkan penulisan yang utuh.

8.2 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Memandangkan kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada data wacana tulisan daripada genre akhbar, oleh itu dicadangkan supaya kajian selanjutnya dilakukan terhadap pelbagai genre lain sama ada dalam bentuk lisan dan tulisan dengan menggunakan Model Halliday dan Model Swales. Dengan demikian akan memperkaya dan memperkembang bidang analisis wacana dalam bahasa Melayu terutamanya berhubung dengan analisis kohesi dan analisis genre.

Adalah juga dicadangkan supaya analisis kohesi wacana berita dijalankan terhadap alat kohesif yang lain seperti penggantian, elipsis dan kohesi leksikal supaya dapat dilihat tautan yang wujud di dalam wacana berita.